

# 'SSPA ada roh, semangat reformasi khidmat awam'

Sistem saraan berteras prestasi capai objektif jayakan agenda Malaysia MADANI

**Putrajaya:** Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) bermula 1 Disember ini disifatkan mengandungi roh dan semangat reformasi perkhidmatan awam yang dikehendaki bagi menjayakan agenda Malaysia MADANI, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, menerusi SSPA itu, tiga ikhtiar diusahakan kerajaan bagi mencapai objektif iaitu meningkatkan kadar produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam, meningkatkan kesediaan penjawat awam dalam melaksanakan perubahan dan meningkatkan daya saing negara.

"Kerajaan sudah mencapai pelbagai kejayaan dalam memudahkan cara urusan berkaitan rakyat dan perniagaan seperti pengeluaran pasport yang pantas oleh Jabatan Imigresen; pemprosesan kelulusan permohonan pergerakan barang daripada tiga hari kepada satu minit oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia, mempercepat kelulusan pas ekspatriat bagi menyokong pembangunan bakat tempatan daripada enam hingga 12 bulan kepada hanya 5 hari dengan kerjasama daripada 22 agensi pelulus dan pengawal selia.

"SSPA yang dirangka ini, bukannya semata-mata hanya pem-

baharuan dan peningkatan dalam pendapatan boleh guna yang akan dinikmati oleh penjawat awam, namun ia adalah satu sistem saraan yang berteraskan prestasi. Yang cemerlang, akan dapat ganjaran, gagal memamer prestasi yang baik, akan dikenakan tindakan.

"Secara prinsipnya, kita mahu hanya yang benar-benar layak sahaja diberikan ganjaran seperti yang dijanjikan.

"Selaras hasrat memastikan peningkatan produktiviti dalam perkhidmatan awam dan menjaga kesejahteraan pegawai, prinsip pemberian ganjaran berasaskan prestasi dan tatakelakuan diperkenalkan," katanya pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ke-19 di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, dalam usaha mengoptimumkan sumber dan peningkatan produktiviti, kerajaan bersetuju meningkatkan kelayakan masuk minimum ke dalam perkhidmatan awam kepada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara, dan seiring langkah itu, beban serta kerumitan tugas sedia ada akan ditambah dan ditingkatkan.

Jelasnya, ia akan menggalakkan penugasan berbilang (multitasking) dan kemahiran berbilang (multiskilling) dalam kalangan pegawai sebagai pulangan kepada kerajaan.

"Selain itu, skim yang mempunyai fungsi perkhidmatan tidak relevan, bertindih dan terencil akan dipindahkan kepada skim perkhidmatan lain.

"Ia akan memberikan laluan kerjaya lebih baik serta mobiliti lebih luas kepada penyandang seperti skim pemandu lokomotif, pengurus asrama, operator wayarles dan jurusolek," katanya.



Reaksi penjawat awam selepas mendengar pengumuman daripada Perdana Menteri pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ke-19 di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

Anwar berkata, kerajaan juga bersetuju menyeragam dan mengkelaskan semula gred jawatan secara menyeluruh berdasarkan keperluan semasa serta meminda syarat lantikan bagi skim perkhidmatan supaya memperoleh bakat terbaik berkhidmat di dalam perkhidmatan awam selari evolusi teknologi dan dasar pendidikan semasa.

"Saya mahu JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) melakukan audit perjawatan yang menyeluruh, bagi mengenal pasti ketidakseimbangan perjawatan mungkin berlaku di seluruh Kementerian dan agensi serta mengambil tindakan penyelarasan selanjutnya.

"Ini untuk memastikan beban tugas ditanggung adalah adil kepada kompleksiti dan bidang tugas yang diberikan kepada setiap

unit, bahagian di Kementerian atau agensi," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga akan melaksanakan rasionalisasi pejabat perwakilan dan wakil agensi Kerajaan Malaysia di luar negara berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

Katanya, isu pertindihan fungsi dan peranan pejabat wakil agensi Kerajaan Malaysia di luar negara dan mekanisme terbaik untuk mengoptimumkan penggunaan sumber dalam pengoperasian sama ada dari aspek sumber manusia dan fasiliti akan dilaksanakan dengan prinsip perkongsian.

"Sebagai contoh, agensi yang melaksanakan fungsi promosi pelaburan, perdagangan dan pelancongan, sewajarnya dipusatkan di bawah satu bumbung bagi mengoptimumkan kos operasi," katanya.